



Siaran Akhbar

KLIK DENGAN BIJAK SAMBUT ULANG TAHUN KE-10

CYBERJAYA, 17 Januari 2023 --- Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) hari ini telah menganjurkan Majlis Sambutan Ulang Tahun ke-10 Klik Dengan Bijak di Auditorium MCMC Tower 1, Cyberjaya. Majlis ini telah disempurnakan oleh YB Fahmi Fadzil, Menteri Komunikasi dan Digital.

Majlis yang bertemakan “Ke Arah Dunia Siber yang Positif” ini dianjurkan bagi meraikan Inisiatif Klik Dengan Bijak® (KDB) yang telah diperkenalkan oleh MCMC sejak tahun 2012. Majlis ini turut dihadiri oleh Timbalan Menteri Komunikasi dan Digital, YB Teo Nie Ching; Ketua Setiausaha Kementerian Komunikasi dan Digital, YBhg. Dato’ Sri Haji Mohammad bin Mentek; Pengerusi Interim MCMC, YBhg. Datuk Muhammad Azmi bin Mohd Zain serta pelajar-pelajar, guru-guru, ibu bapa, penjaga, agensi kerajaan, institusi pengajian tinggi dan ramai lagi.

Majlis ini juga adalah sebagai penghargaan kepada rakan strategik KDB yang telah memberi sokongan dan kerjasama kepada MCMC serta memainkan peranan penting dalam menjaga keselamatan rakyat Malaysia semasa berada di dalam talian. Pelbagai program usaha sama antara KDB dan rakan strategik telah dilaksanakan seperti pameran, forum, ceramah, pertandingan dan lain-lain berkaitan kesedaran keselamatan Internet. Antara rakan strategik yang diraikan termasuklah Persatuan Pengakap Malaysia, Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Majlis Belia Malaysia (MBM) dan 11 buah agensi lain.

KDB merupakan sebuah inisiatif kesedaran keselamatan Internet dengan memberi fokus kepada golongan sasaran seperti kanak-kanak, remaja, ibu bapa, penjaga dan orang dewasa. KDB membudayakan penggunaan Internet secara positif, produktif dan bertanggungjawab serta menitikberatkan kawal selia kendiri (*self-regulation*) dalam membendung masalah penyalahgunaan Internet. Program-program anjuran KDB adalah

berteraskan prinsip Rukun Negara yang merangkumi semua aspek kehidupan rakyat Malaysia daripada pelbagai peringkat umur dan latar belakang.

Sehingga 2023, KDB telah mencapai lebih tujuh (7) juta capaian audiens melalui pelbagai program yang telah dilaksanakan dengan kerjasama strategik bersama pelbagai agensi kerajaan dan swasta, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), Institusi Pengajian Tinggi (IPT) serta pertubuhan antarabangsa. Selain itu, program ini juga diperluaskan dengan menggunakan platform Pusat Ekonomi Digital Keluarga Malaysia (PEDi) di seluruh negara.

Di peringkat antarabangsa, inisiatif KDB telah dipilih sebagai Juara di Anugerah *World Summit of Information Society* (WSIS2020) melalui kategori 17 iaitu Dimensi Etika untuk Masyarakat Bermaklumat. KDB juga telah terpilih sekali lagi sebagai finalis untuk WSIS2023 yang akan berlangsung dari 17 hingga 23 Mac di Geneva.

Program KDB kekal relevan pada masa hadapan seiring dengan perkembangan media sosial di Internet. KDB akan terus memberi kesedaran kepada rakyat Malaysia mengenai ancaman-ancaman siber yang baharu agar rakyat Malaysia lebih berwaspada mengenai isu-isu keselamatan siber.

Ketahui lebih lanjut mengenai inisiatif KDB dengan melayari laman sesawang www.klikdenganbijak.my atau ikuti di Facebook rasmi Klik Dengan Bijak dan Instagram @klikdenganbijak.

JABATAN KOMUNIKASI KORPORAT MCMC

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia | Malaysian Communications and Multimedia Commission

MCMC Tower 1, Jalan Impact, Cyber 6, 63000 Cyberjaya, Selangor MALAYSIA

T: + 60 3 86 88 80 00 | F: + 60 3 86 88 10 00 | E: scd@mcmc.gov.my | W: www.mcmc.gov.my



Suruhanjaya Komunikasi
Dan Multimedia Malaysia



MCMC_RASMI



SKMM_MCMC



MCMCTV